

# SIARAN AKHBAR

## PRESTASI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN LEMBAGA TABUNG HAJI BAGI SEPARUH PERTAMA TAHUN 2019

KEUNTUNGAN BERSIH MENINGKAT KEPADA RM815 JUTA DENGAN LEBIHAN ASET  
SEBANYAK RM1.8 BILION

**KUALA LUMPUR, 25 JULAI 2019** – Lembaga Tabung Haji (**TH**) mencatat prestasi dan kedudukan kewangan yang semakin baik bagi separuh pertama tahun 2019, dipacu oleh strategi pelaburan yang mampan serta langkah pengurusan kos yang berhemat.

### ***Prestasi kewangan yang semakin baik***

Bagi tempoh enam (6) bulan pertama tahun 2019, **TH** telah berjaya memperoleh pendapatan berjumlah RM1.3 bilion, dijana terutamanya daripada pelaburan aset pendapatan tetap (RM663 juta), pelaburan hartanah (RM292 juta) dan instrumen pasaran wang Islam (RM199 juta). Keuntungan bersih juga telah meningkat kepada RM815 juta hasil langkah berterusan penjimatan kos pengurusan dan pentadbiran.

Pendapatan **TH** dijangka terus meningkat apabila **TH** akan menerima manfaat penuh daripada Sukuk Urusharta Jamaah Sdn Bhd yang telah diterbitkan pada 30 Mei 2019 yang lalu.

### ***Kedudukan kewangan kekal kukuh***

Perubahan strategi pelaburan **TH** kepada aset pelaburan yang lebih stabil telah berjaya mengurangkan tekanan daripada keadaan pasaran kewangan yang tidak menentu akibat ketegangan perang dagang di peringkat global.

Pada 30 Jun 2019, kedudukan kewangan **TH** kekal kukuh apabila jumlah aset telah melebihi jumlah liabiliti sebanyak RM1.8 bilion, dengan jumlah aset RM74.0 bilion manakala jumlah liabiliti RM72.2 bilion.

## **Sokongan pendeposit kekal utuh**

Kepercayaan dan sokongan para pendeposit kepada **TH** kekal utuh dengan jumlah deposit yang kekal tinggi pada paras RM71.0 bilion setakat 30 Jun 2019. Seperti tahun-tahun sebelum ini, **TH** telah menjangkakan peningkatan pengeluaran dalam separuh pertama tahun 2019 selepas pengumuman hibah dibuat serta apabila bermulanya musim haji.

## **Operasi Musim Haji 1440H/2019M berjalan lancar**

Musim Haji 1440 Hijrah telah bermula dengan penerbangan pertama jemaah haji mendarat di Madinah pada 4 Julai 2019 yang lalu. Sehingga 24 Julai 2019, sebanyak 42 penerbangan yang membawa lebih 20 ribu jemaah haji telah berlepas dan selamat tiba di Tanah Suci. Di Makkah, jemaah Muassasah akan menginap di empat belas (14) buah hotel yang terletak sekitar 600 - 950 meter daripada Masjidil Haram. Sehingga kini, pengendalian operasi haji berjalan lancar tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini.

**-Tamat-**

## **Lembaga Tabung Haji**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. **TH** bertekad untuk menyediakan perkhidmatan haji yang cemerlang kepada jemaah Malaysia dan rekodnya yang konsisten ini telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model kepada pengurusan haji yang inovatif. **TH** mempunyai lebih daripada sembilan juta pendeposit dan 125 cawangan dengan hampir 10,000 *touch points*, di seluruh negara. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi *Tabung Haji Contact Centre* ditalian 03-6207 1919.




*Untuk keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, pihak media boleh hubungi:*

<p><b>Encik Muhammad Faruq Arbain</b> <b>Pegawai Khas, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif</b></p> <p>Menara <b>TH</b> Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: +603 20543202 Fax: +603 21610164 Email: <a href="mailto:faruq.arbain@lth.gov.my">faruq.arbain@lth.gov.my</a></p>	<p><b>Encik Mustakim Mohamad</b> <b>Timbalan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan</b></p> <p>Menara <b>TH</b> Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: +603 20275501 Fax: +603 21648236 Email: <a href="mailto:mustakim@lth.gov.my">mustakim@lth.gov.my</a></p>
--	---



## 1. PRESTASI & KEDUDUKAN KEWANGAN YANG SEMAKIN BAIK DIPACU OLEH STRATEGI PELABURAN YANG MAMPAN SERTA LANGKAH PENGURUSAN KOS YANG BERHEMAT

RM

 <b>LEBIHAN ASET</b> BERBANDING LIABILITI	<b>1.8 BILION</b>
 <b>PENDAPATAN</b>	<b>1.3 BILION</b>
 <b>KEUNTUNGAN</b>	<b>815 JUTA</b>

Pendapatan dijana terutamanya daripada:



Pelaburan aset pendapatan tetap RM663 juta



Pelaburan hartanah RM292 juta



Instrumen pasaran wang Islam RM199 juta

## 2. KEPERCAYAAN DAN SOKONGAN PENDEPOSIT KEKAL UTUH

**JUMLAH DEPOSIT**  
**RM 71.0 Bilion**

Setakat 30 Jun 2019

Seperti kebiasaan, peningkatan pengeluaran telah dijangkakan selepas:

- Pengumuman hibah dibuat
- Bermulanya musim haji



## 3. OPERASI MUSIM HAJI 1440H/2019 BERJALAN LANCAR TIADA SEBARANG KEJADIAN TIDAK DIINGINI BERLAKU

Setakat 24 Julai 2019

### Penerbangan



Sebanyak 42 penerbangan yang membawa lebih 20 ribu jemaah haji telah berlepas dan selamat tiba di Tanah Suci.

### Penginapan



Jemaah Muassasah menginap di empat belas (14) buah hotel yang terletak sekitar 600 - 950 meter daripada Masjidil Haram.